



31 Disember 2014
31 December 2014
P.U. (A) 360

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2014

STAMP DUTY (REMISSION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Peremitan

2. (1) Hendaklah diremitkan sebanyak lima puluh peratus daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana perjanjian pinjaman untuk membiayai pembelian satu unit harta kediaman sahaja bernilai tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) yang disempurnakan antara seorang individu warganegara Malaysia yang dinamakan dalam perjanjian jual beli dengan—
 - (a) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
 - (b) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];
 - (c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];
 - (d) suatu penanggung insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
 - (e) suatu pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

- (f) suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];
 - (g) mana-mana majikan yang menyediakan skim pinjaman perumahan pekerja;
 - (h) Malaysian Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
 - (i) Borneo Housing Mortgage Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1), nilai harta kediaman hendaklah berdasarkan nilai pasaran.
- (3) Peremitan duti setem di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai sekiranya—
- (a) perjanjian jual beli bagi pembelian harta kediaman itu disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2015 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2016; dan
 - (b) individu itu tidak pernah memiliki apa-apa harta kediaman termasuk harta kediaman yang diperoleh secara pewarisan atau pemberian, yang dipegang sama ada secara individu atau bersesama.
- (4) Permohonan bagi peremitan duti setem hendaklah disertakan dengan surat akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*] oleh individu yang disebut dalam subperenggan (1) yang mengesahkan bahawa individu itu tidak pernah memiliki apa-apa harta kediaman termasuk harta kediaman yang diperoleh secara pewarisan atau pemberian, yang dipegang sama ada secara individu atau bersesama.